

Lawatan ke UMSKAL perangsang kepada murid SK Kerupang

OB 13.11.2019 16

SERAMAI 71 murid
Tahun 6 Sekolah
Kebangsaan (SK) Kerupang
mengadakan Lawatan
Sambil Belajar Tahun Enam
sempena Program Pasca
UPSR 2019 ke Universiti
Malaysia Sabah, Kampus
Antarabangsa Labuan
(UMSKAL), kelmarin.

Ketua Rombongan
Inanis Fatinisupi Abdullah
berkata, lawatan itu
bertujuan mendedahkan
murid dengan peluang
kerjaya, menambah
pengetahuan dan
pengalaman kepada murid.


“Lawatan itu bertujuan
memberi perangsang
kepada murid untuk



GENDERAMATA: Inanis (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Mohizam sambil diperhatikan Theresa Primus.

memulakan platform dalam
bidang akademik yang baik.

“Ia juga untuk memberi
pendedahan kepada
murid tempat menuntut



TERUJA: Murid SK Kerupang teruja dapat memasuki Makmal Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) di Tingkat 9.



ALBUM: Inanis (tengah) bersama murid dan guru SK Kerupang bergambar kenangan di hadapan pintu masuk UMSKAL, kelmarin. Turut kelihatan Mohizam (kiri).



TAKLIMAT: Mohizam menyampaikan taklimat mengenai Makmal Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) di Tingkat 9.

UMSKAL

Inanis yang juga Penolong Kanan Kokurikulum SKK berkata lawatan itu bertujuan memberi sumber inspirasi kepada murid agar belajar dengan bersungguh-sungguh pada masa akan datang.

Lawatan itu turut disertai lima orang guru iaitu Junida Lahaja, Anisah Guasi, Theresa Primus, Nor Ailing Voo dan Louis Pulong. Sementara itu, taklimat mengenai UMSKAL disampaikan oleh Penolong Pegawai Tadbir Mohizam

Mohamad yang mewakili Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Haji Mohamad Tuah di Dewan Kuliah C, Bangunan Menara.

Sepanjang lawatan itu, murid dan guru diiringi serta diberikan taklimat oleh Mohizam dan Nor Atiqah Mustafa ke Aras 13 dan Makmal Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) di Tingkat 9.

“Kami ucapkan terima kasih kepada Pengarah UMSKAL Prof Dr Murnizam Haji Halik yang sudi menerima kunjungan murid Tahun Enam yang bakal memasuki UMSKAL pada masa akan datang,” katanya yang mewakili Guru Besar SK Kerupang Hajah Aini Salleh.

Murid dan guru teruja ketika berada di Makmal FKI yang canggih selain terpesona dengan pemandangan menarik Wilayah Persekutuan Labuan yang dapat dilihat dari Aras 13 yang turut menempatkan Balai Cerapan.

UMSKAL kini menawarkan tujuh program iaitu lima di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan dua program di FKI.

Pada akhir lawatan, Inanis menyampaikan cenderamata kepada Mohizam sebagai tanda kenang-kenangan.